

05/04/1997

Peluang pegawai berniaga

KOTA BHARU, Jumaat - Kerajaan sedang mengkaji pendekatan terbaik bagi membolehkan kakitangan awam peringkat pertengahan dilatih dalam bidang perniagaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad berkata langkah itu selaras dengan usaha meningkatkan pendapatan golongan terbabit bagi mengimbangi serta mengurangkan jurang antara kumpulan berpendapatan rendah dan tinggi di negara ini.

Beliau berkata, setakat ini sistem francais dilihat sebagai pilihan dan pendekatan terbaik untuk tujuan itu kerana kaedah perniagaan berkenaan memberi tumpuan khusus terhadap aspek pengurusan perniagaan.

"Kerajaan tertarik dengan pendekatan francais kerana ramai kalangan Bumiputera yang tidak pandai menguruskan perniagaan.

"Oleh itu, kita pilih francais kerana caranya sudah ditetapkan dan saya sendiri sudah lama teringin melihat sate difrancaiskan.

"Kita pandai pergi restoran (makanan segera), tetapi tidak tahu cara menjualnya," katanya ketika berucap merasmikan kilang Ain Medicare Sdn Bhd di Pengkalan Chepa, dekat sini hari ini.

Hadir sama Timbalan Menteri Besar Kelantan, Abdul Halim Abdul Rahman; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed dan Pengerusi Ain Medicare Sdn Bhd, Wan Ariff Wan Hamzah.

Dr Mahathir berkata, pengusaha Melayu dan Bumiputera lain yang berada dalam golongan kelas pertengahan perlu menonjolkan diri dalam bidang perniagaan bagi mengimbangi jurang pendapatan yang ketara.

Beliau berkata, semua kaum perlu berusaha untuk mencapai sasaran masing-masing dan tidak bergantung kepada kerajaan semata-mata.

Perdana Menteri bagaimanapun mengakui sudah ramai golongan korporat Bumiputera dilahirkan, tetapi mahu bilangannya ditingkatkan untuk bersaing dengan kaum lain.

"Kerajaan hanya menetapkan dasar tetapi kumpulan yang enggan berusaha tidak mungkin mencapai kejayaan.

"Pendapat yang menyatakan kita tidak boleh berjaya dalam beberapa bidang yang dikuasai kaum lain hanya bertujuan melemahkan semangat kerana kita sebenarnya mempunyai kebolehan yang sama," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan pengusaha Bumiputera supaya bersikap lebih komited dalam usaha mereka dengan menjalankan perniagaan secara teratur termasuk mengkaji aspek pengurusan kewangan.

Perdana Menteri turut menyaksikan majlis menandatangani kontrak di antara Ain Medicare Sdn Bhd dengan Remedi Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd dan Ain Medicare Sdn Bhd dengan Sino-Singapore Medical Disposables Pte Ltd.

(END)